



**MAJLIS DAERAH PADANG TERAP**  
06300 Kuala Nerang, Kedah Darul Aman  
TEL : 04-7901200 / 04-7866328  
FAKS : 04-7866639  
E-MAIL : mdptk@mdptk.gov.my

**JABATAN KESIHATAN  
PERSEKITARAN**  
**BAHAGIAN PELESENAN**

**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN –  
BUKAN PUSAT URUT**

1. Dinding hadapan premis dan pintu masuk premis pusat penjagaan kesihatan hendaklah terdiri daripada cermin telus cahaya dan permukaan cermin tersebut hendaklah bebas dari sebarang pelekat, paster, 'tinted' atau apa-apa yang boleh menghalang pandangan. Pintu hendaklah tidak dikunci semasa waktu perniagaan.
2. Pemohon tidak dibenarkan membuat apa-apa sekatan (partition) samada berbentuk kekal (konkrit) atau separuh kekal (gypsum board). Walau bagaimanapun, partition boleh dipertimbangkan dengan syarat terdapat kelulusan pihak MDPT.
3. Reka bentuk bilik rawatan hendaklah mengikut konsep terbuka dan mestilah mempunyai cahaya dan pengudaraan yang sempurna dan mencukupi.
4. Pemegang lesen dilarang mempamerkan bahan lucah dalam premis urut atau sekitarnya dan papan tanda hendaklah dipamerkan pada setiap masa ditempat yang mudah dilihat di luar rumah urut.
5. Satu buku daftar pekerja yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan / passport, alamat kediaman, gambar dan butiran yang berkaitan hendaklah disediakan dan sentiasa dikemaskini.
6. Pekerja yang berumur di bawah 18 tahun tidak dibenarkan.
7. Pekerja yang memberi rawatan hendaklah lulus pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan dan mempunyai Sijil Pengamal Perubatan (jika berkaitan).
8. Pengusaha dan pekerja terlibat wajib menjalani ujian saringan HIV oleh Jabatan Kesihatan dan disahkan bebas daripada penyakit tersebut.
9. Pekerja hendaklah berpakaian seragam yang bersih, sopan dan tidak menjolok mata.
10. Semua pekerja-pekerja hendaklah memakai tag nama.